

BERDASARKAN situasi semasa, tidak keterlaluan jika penulis mengatakan kedudukan bahasa Melayu dalam semua bidang tersebut agak mendukacitakan. Fungsinya sebagaimana tercatat dalam dokumen rasmi tersebut belum dapat dibanggakan. Hal ini dapat dilihat pada penggunaannya di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Begitu juga oleh pentadbir yang berkhidmat sama ada di institusi kerajaan ataupun swasta, penggunaan bahasa Melayu masih berada pada tahap rendah. Di samping itu, kita dapati juga persepsi anak muda terhadap upaya bahasa Melayu sebagai bahasa penting bagi pekerjaan dan keperluan ekonomi sudah semakin goyah.

Pemerhatian penulis terhadap kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah yang bermain di beberapa taman permainan sekitar Kuala Lumpur juga menyokong pandangan ini. Didapati banyak kanak-kanak menggunakan bahasa Inggeris secara fasih sebagai alat perhubungan dan keseronokan bermain dalam kalangan kanak-kanak berbangsa Melayu. Situasi ini menunjukkan bahasa Melayu sudah tidak menjadi bahasa semasa bermain dan sebagai alat bersosial dalam kalangan kanak-kanak tersebut. Mungkin banyak dalam kalangan mereka menggunakan bahasa Inggeris sebagai "bahasa ahli keluarga". Mereka akan membesar dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama. Walaupun insiden itu tidak dapat digeneralisasikan terhadap kanak-kanak negara kita, tetapi hal itu menjadi petanda yang menunjukkan bahasa Melayu bukan menjadi pilihan dalam kalangan kanak-kanak di ibu kota Kuala Lumpur.


Begitu juga pengalaman penulis berhadapan dengan beberapa pemandu kereta sewa Grab yang penulis menggunakan khidmatnya, yang secara tidak langsung meluahkan kekesalan kerana tidak fasih berbahasa Inggeris. Kebolehan berbahasa Melayu sahaja bukan jaminan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik. Mereka menyatakan bahasa Inggeris sangat penting untuk mendapatkan pekerjaan, yang pada hemat mereka sepatutnya dikuasai sebelum tamat pengajian. Kebanyakan pemandu tersebut daripada lepasan universiti dan gagal dalam beberapa temu duga yang pada tanggapan mereka kerana kurang

fasih berbahasa Inggeris. Hal ini juga menunjukkan persepsi terhadap kepentingan bahasa Inggeris lebih tinggi berbanding dengan bahasa Melayu.

Begitu juga dalam urusan rasmi negara, berdasarkan catatan Hassan Ahmad (2016) dalam buku: *Bahasa dan Pemikiran Melayu*, dalam ratusan mesyuarat peringkat tinggi kerajaan yang dihadiri oleh beliau, lebih kurang 70 peratus dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Hanya 30 peratus sahaja dalam bahasa Melayu. Hal ini juga menunjukkan usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran negara, bahasa Inggeris

masih menjadi pilihan utama untuk mengendalikan mesyuarat kerajaan.

Kesemua situasi tersebut menunjukkan perjuangan sebelum ini untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pentadbiran dan bahasa pengantar pendidikan serta berstatus tinggi kurang berjaya. Oleh itu, Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan (GDBK) yang dilancarkan secara rasmi bermula 2020 hingga 2030 tepat pada masanya dan perlu mendapat sokongan semua pihak. Yang berikut merupakan inisiatif pelaksanaan GDBK:



MEGAH BERBAHASA MELAYU

BAHASA kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152, manakala Akta Bahasa Kebangsaan 1963, Akta Pendidikan 1996 dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1995 memperuntukkan penggunaan bahasa kebangsaan di mahkamah, penggubalan undang-undang dan pendidikan, serta dalam semua urusan pentadbiran dan pengurusan negara.

INISIATIF PELAKSANAAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN (2020-2030)

1. Memperkasakan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang mencakupi pelbagai bidang dan sektor di Malaysia.
2. Memperkasakan perancangan dan pemupukan bahasa Melayu tinggi bagi membentuk tamadun bangsa Malaysia yang berbudaya dan berakhlak mulia.
3. Merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara.
4. Mengantarabangsakan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama di ASEAN, dan menjadikan Malaysia sebagai pusat persuratan Melayu terulung di dunia.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Inisiatif yang dilakarkan sangat baik dan merentasi pelbagai bidang dan sempadan negara. Namun demikian, kita tidak mahu GDBK yang bermatlamat murni berakhir dengan impak yang rendah seperti yang berlaku terhadap sambutan pelbagai program berkaitan dengan bahasa Melayu sebelum ini, yang dikatakan kurang berkesan dan bermakna walaupun jutaan ringgit dilaburkan. Akibat kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan program yang dilaksanakan, impaknya seperti yang kita rasai kini, iaitu bahasa Melayu tidak berada di puncak yang sepatutnya. Bahang kelemahan tersebut dirasakan oleh semua warga Malaysia yang menunjukkan kedudukan bahasa Melayu semakin terhakis.

Yang berikut merupakan antara program berkaitan dengan mendaulatkan bahasa Melayu yang dilaksanakan semenjak merdeka hingga kini:

1. Gerakan Cintailah Bahasa Kita (1987 – 1996)
2. Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta (1996 – 2005)
3. Bulan Bahasa dan Sastera Negara (1999 – 2009)
4. Bulan Bahasa Kebangsaan (2010 – 2017)

Di samping itu, banyak juga slogan bersempena pelancaran program tersebut yang “bergegar” pada masa-masa tertentu dan lenyap begitu sahaja setelah perasmian pelancaran atau penutupannya dilaksanakan. Keadaan ini diharapkan tidak berulang lagi terhadap

sambutan GDBK. Kita mahu sepanjang dekad pelaksanaan, pelbagai aktiviti dirancang dan disusun rapi, serta jika perlu ditambah baik mengikut keperluan dari semasa ke semasa supaya kerja siasa seperti “ragam ayam bertelur sebiji riuhi sekampung” tidak berlaku lagi.

Usaha memartabatkan bahasa Melayu perlu melibatkan banyak pihak. Banyak pihak yang menaruh harapan agar bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa utama dan menjadi satu daripada 10 bahasa tarikan yang dituturkan oleh masyarakat dunia. Hal ini dapat dilaksanakan apabila usaha memperkasakan penggunaan bahasa Melayu berjaya dilaksanakan dalam negara ketika dahulu. Pelaksanaan untuk mengangkat bahasa Melayu termaktub dalam dokumen yang berikut, sebagai pedoman dalam pelaksanaan GDBK:

Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (1995)
Perlembagaan Persekutuan Perkara 152
Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67
Akta Pendidikan 1996
Wasiat Raja-raja Melayu, 31 Ogos 1957

Ketidakpatuhan terhadap dokumen tersebut menyebabkan bahasa Melayu semakin terhakis fungsi dan penggunaannya dari semasa ke semasa kerana kita tidak melahirkan “pendekar bahasa” yang berani dan sanggup bertarung mendaulatkan bahasa Melayu seperti yang berlaku dalam peristiwa “Keranda 152”.

Dasar Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa

Inggeris (PPSMI), Program Pengajaran Dwibahasa [Dual Language Programme (DLP)] dan arahan penggunaan bahasa Inggeris di universiti terhadap kursus kritikal merupakan tiga “titik hitam” dalam perjuangan mengangkat bahasa Melayu ke tahap yang lebih tinggi. Usaha memadamkan PPSMI tampak berjaya, tetapi memperkenalkan DLP menimbulkan ranjau yang sama dengan PPSMI. Namun demikian, pengajaran dalam bahasa Inggeris terhadap kursus kritikal masih berjalan. Kita memerlukan “pendekar bahasa” untuk mengembalikan pengajaran melalui bahasa Melayu.

GDBK mengambil masa 10 tahun yang sasarannya untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan utama bukan sahaja di negara ini, malah di rantau ASEAN dan persada dunia. GDBK diterajui oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang memerlukan institusi ini menggandakan aktiviti bagi meletakkan bahasa Melayu di landasan yang betul sebagai bahasa kebangsaan seperti tercatat dalam dokumen rasmi negara dalam masa 10 tahun lagi. Sudah pasti DBP sukar melakukannya bersendirian tanpa sokongan daripada pelbagai kementerian dan banyak pihak.

Untuk mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan bagi penggunaan masyarakat dunia perlu dilakukan secara berperancangan, beragenda dan menarik. Perancangan yang berteraskan bahasa dan aspek lain perlu dilakarkan supaya impian tidak menjadi seperti “angan-angan Mat Jenin”. Bahasa Melayu sebagai komoditi bernilai tinggi perlu dirangka supaya komoditi ini dilihat sebagai sesuatu yang bermakna dan ampuh. Umpamanya, agenda bahasa Melayu untuk dikuasai oleh masyarakat tempatan dan masyarakat luar negara perlu dijelaskan secara terperinci. Selain Kementerian Pendidikan dan beberapa agensi lain di bawahnya, kementerian lain, seperti Kementerian Luar Negara dan Kementerian Perdagangan perlu memainkan peranan untuk mengeksport bahasa Melayu sebagai komoditi utama.

Mampukah kita melakukannya? Kursus Bahasa Melayu di universiti luar negara perlu diadakan dengan bilangan yang lebih tinggi. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan

dan Kementerian Luar Negara telah menubuhkan beberapa Kursi Pengajian Melayu dan Pengajian Bahasa Melayu di beberapa universiti tersohor dunia, seperti Universiti Leiden, Belanda; Universiti Ohio, Amerika Syarikat; Universiti Victoria, New Zealand; Universiti Beijing, China, dan Universiti Hankuk, Korea Selatan bagi menyebarkan penggunaan bahasa, kesusasteraan, dan budaya Melayu, serta budaya Melayu. Bilangan ini agak kecil dan pertambahannya boleh dilakukan sempena GDBK.

Dalam hal ini, pengalaman penulis di New Zealand, sepanjang berada di Wellington, Kursi Pengajian Melayu disandang oleh dua orang profesor. Kami sama-sama bekerjasama untuk melaksanakan pelbagai aktiviti, dan pada hemat penulis, peranan mereka untuk tujuan itu kurang berjaya. Bukan mudah untuk melaksanakan pengembangan bahasa, kesusasteraan dan akademik dengan hanya seorang petugas. Walaupun pihak kedutaan memainkan peranan, namun fungsi kedutaan berbeza daripada fungsi kewujudan Kursi Pengajian Melayu. Perlu ada penambahbaikan dan memperkasakan pelaksanaan aktiviti sempena GDBM supaya mencapai sasaran bagi posisi luar negara.

Dalam hal kita melebarkan penggunaan bahasa Melayu, kita perlu berpijak dalam situasi realiti. Persoalannya, apa yang ada pada bahasa Melayu dan bangsa Melayu yang dapat dijadikan "tanda dagang" terhadap pembelajaran bahasa Melayu oleh masyarakat luar? Bahasa ibunda negara lain mempunyai tanda dagang yang menjadikannya daya tarikan untuk dipelajari. Umpamanya, bahasa Inggeris dijulung kerana ilmunya yang didukung dan menjadi rujukan masyarakat dunia. Bahasa Inggeris juga sebagai bahasa perantaraan di serata negara. Umpamanya, jika kita ke serata negara dan tidak menguasai bahasa tempatan, kita mungkin dapat menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan walaupun secara berdekrit-dikit. Itulah yang dialami oleh penulis semasa tersesat di bandar Shinjuku, Tokyo, Jepun sedikit masa dahulu semasa berkursus. Bahasa Inggeris mampu membawa penulis kembali ke pangkal jalan.

GDBK perlu diisi dengan pelbagai aktiviti dan program besar serta bermakna yang mampu membuka mata dan menarik minat pelbagai peringkat generasi. Lakaran perancangan dan tindakan yang jitu sangat diperlukan.

Begitu juga bahasa Jepun, Perancis serta Jerman dapat dipelajari kerana teknologinya, manakala bahasa Arab untuk mendalami ilmu Islam bagi umat manusia. Kita juga perlu mengambil contoh negara China, iaitu bahasanya sejak akhir-akhir ini menjadi pilihan untuk dipelajari oleh masyarakat dunia. Pembangunan dalam ekonomi dan penghijrahan masyarakatnya ke seluruh pelosok dunia menjadi nilai tambah untuk mempelajari bahasa negara itu.

Oleh sebab itu, GDBK perlu diisi dengan pelbagai aktiviti dan program besar serta bermakna yang mampu membuka mata dan menarik minat pelbagai peringkat generasi. Lakaran perancangan dan tindakan yang jitu sangat diperlukan. Hal ini bagi memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang kedudukannya tidak tergugat sepanjang zaman.

Dalam konteks dalam negara, kita perlu memahami bahawa terdapat banyak bahasa ibunda yang diamalkan oleh masyarakat berdasarkan etnik masing-masing. Namun demikian, usahlah kita bersengketa tentang bahasa yang perlu digunakan dalam pelbagai bidang kerana bahasa Melayu sudah

lama diterima sebagai bahasa utama, bahasa persekolahan dan bahasa rasmi negara. Semua pihak perlu menerima dengan berlapang dada bahawa setelah 63 tahun kita menyambut kemerdekaan negara, bahasa Melayu bahasa yang mampu menyatukan pelbagai bangsa di negara ini. Kita melihat dengan jelas bahawa sekian lama setelah merdeka, semua bangsa sama-sama menikmati kehidupan secara harmoni.

Di samping itu, kita perlu berasa megah dengan pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama dalam pelbagai bidang oleh masyarakat kita. Kita juga perlu menanamkan rasa megah terhadap bahasa Melayu dengan menggunakannya di serata tempat. Megah rasa terhadap bahasa Melayu juga perlu ditanamkan kepada generasi baharu terutama kepada anak-anak kita bahawa bahasa Melayu mampu menyatukan pelbagai bangsa di negara kita.

Di mana-mana negara, terdapat pelbagai bangsa yang menggunakan bahasa berlainan dan berteraskan bahasa ibunda masing-masing sebagai alat komunikasi utama dalam keluarga dan komuniti. Walau bagaimanapun, dalam suasana rasmi usahlah kita berasa malu untuk menggunakan bahasa rasmi negara. Umpamanya, pengalaman penulis berada di kota Birmingham di United Kingdom selama empat tahun, penulis mendapati bahasa Inggeris dapat menyatukan komuniti tempatan Birmingham yang didiami oleh pelbagai etnik yang berhijrah ke United Kingdom. Begitu juga semasa penulis berada di New Zealand selama tiga tahun, bahasa Inggeris mampu menyatukan pelbagai komuniti Islam di negara tersebut.

Sehubungan itu, penulis berasa yakin, bahasa Melayu bukan sahaja mampu menyatukan pelbagai etnik negara kita, bahkan mampu membawa kemajuan terhadap penggunaannya. Oleh itu, usah malu menggunakan bahasa Melayu. Paling penting, kita perlu menjadi juara dalam pelbagai bidang dengan menggunakan bahasa Melayu supaya dilihat penting dari kaca mata masyarakat dunia. Apabila berada di tahap juara, akan berlaku proses orang luar mempelajari bahasa kita. **PB**